

BAB KELIMA

TINJAUAN KEBERKESANAN MODUL

5.0 PENDAHULUAN

Pengkaji telah menjalankan tinjauan kedua kepada 70 orang peajar yang telah mempelajari “MABAUPUMS” melalui soal selidik kedua (Sila rujuk Lampiran E). Pelajar-pelajar yang terlibat adalah pelajar-pelajar yang mengambil Kursus Bahasa Arab Tahap I di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), Universiti Malaysia Sabah sepanjang semester II sesi 2008/2009. Soal selidik kedua ini diedarkan kepada para pelajar setelah pelajar-pelajar mengikuti pembelajaran selama 14 minggu dan sebelum peperiksaan akhir dijalankan.

Tujuan soal selidik kedua ini dijalankan adalah untuk mendapatkan maklum balas pelajar terhadap keberkesanan “MABAUPUMS” dalam pembelajaran bahasa Arab. Antara perkara yang dikemukakan dalam soal selidik kedua tersebut ialah tentang latar belakang pelajar, kesesuaian modul dengan masa pengajaran dan tahap kemampuan pelajar, keberkesanan modul serta kelebihan dan kelemahan modul dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan modul tersebut. Ia juga bertujuan untuk mendapatkan gambaran awal terhadap kesesuaian dan keberkesanan modul ini untuk pelajar-pelajar UMS yang terdiri dari pelbagai jurusan, etnik dan agama. Pengkaji telah menggunakan Modul Asas Bahasa Arab Tahap I (Modul Rintis) sebagai percubaan untuk diaplikasi


kepada pelajar seperti mana yang pengkaji telah jelaskan dalam bab keempat tesis ini.

5.1 DAPATAN DARIPADA SOAL SELIDIK KEDUA

Pengkaji telah mengedarkan 70 soal selidik kepada 70 orang pelajar yang mengikuti “MABAUPUMS” setelah selesainya pengajaran dan pembelajaran. Berikut adalah analisis dapatan daripada kajian yang telah dijalankan.

5.1.1 Latar Belakang Pelajar

Rajah 5.1: Bilangan Pelajar Berdasarkan Jantina



Rajah 5.1 menunjukkan taburan pelajar berdasarkan jantina. Daripada 70 orang responden yang terlibat dalam mengikuti pembelajaran modul asas bahasa Arab ini, sebanyak 47.1% atau 33 orang responden terdiri daripada lelaki dan 52.9% atau 37 orang responden dari kalangan perempuan.

5.1.2 Umur

**Jadual 5.1:
Bilangan Pelajar Berdasarkan Umur**

Tahap Umur	Bilangan	Peratusan
19 – 21 Tahun	63	90.0%
22 – 24 Tahun	6	8.6%
25 ke atas	1	1.4%
Jumlah	70	100.0%

Berdasarkan Jadual 5.1 di atas, hasil kajian yang dijalankan terhadap 70 orang responden, tahap umur bagi responden adalah dari 19 tahun ke atas. Daripada lingkungan umur tersebut, responden yang berumur 19 tahun hingga 21 tahun adalah sebanyak 63 orang (90.0%) dan responden yang berumur antara 22 tahun hingga 24 tahun adalah sebanyak enam orang (8.6%). Manakala responden yang berumur 25 tahun ke atas hanya seorang sahaja (1.4%). Pembahagian umur ini adalah berdasarkan kajian yang telah dijalankan sebelum ini (Saini et.al (2007)).

5.1.3 Negeri Kelahiran

**Jadual 5.2:
Bilangan Pelajar Berdasarkan Negeri Kelahiran**

Negeri Kelahiran	Bilangan	Peratusan
Sabah	23	32.9%
Sarawak	9	12.9%
Perak	7	10.0%
Pulau Pinang	6	8.6%
Pahang	6	8.6%
Kuala Lumpur	5	7.1%

Selangor	4	5.7%
Johor	3	4.3%
Negeri Sembilan	2	2.9%
Kelantan	2	2.9%
Melaka	1	1.4%
Kedah	1	1.4%
Terengganu	1	1.4%
Jumlah	70	100.0%

Jadual 5.2 di atas menunjukkan taburan responden berdasarkan negeri kelahiran. 70 orang responden yang terlibat dalam kajian ini adalah mewakili dari negeri-negeri yang terdapat di Malaysia walaupun tidak semua negeri yang terlibat. Bilangan responden yang paling ramai bagi kategori negeri kelahiran ialah dari Sabah iaitu 23 orang (32.9%), manakala yang kedua tertinggi ialah dari Sarawak sebanyak 9 orang (12.9%). Kemudian diikuti oleh Perak tujuh orang (10.0%), Pulau Pinang dan Pahang masing-masing enam orang (8.6%), Kuala Lumpur lima orang (7.1%), Selangor empat orang (5.7%), Johor tiga orang (4.3%), Negeri Sembilan dan Kelantan masing-masing dua orang (2.9%), manakala Melaka, Kedah dan Terengganu masing-masing seorang (1.4%),

5.1.4 Bangsa

Jadual 5.3:
Bilangan Pelajar Berdasarkan Bangsa

Bangsa	Bilangan	Peratusan
Melayu	30	42.9%
Cina	22	31.4%
Bugis	5	7.1%

Bajau	2	2.9%
Iban	2	2.9%
Kadazan	2	2.9%
Dusun	1	1.4%
Bajau Ubian	1	1.4%
Sino Kadazan	1	1.4%
Melanau	1	1.4%
Sungai	1	1.4%
India	1	1.4%
Brunei	1	1.4%
Jumlah	70	100.0%

Jadual 5.3 di atas menerangkan tentang bilangan responden berdasarkan bangsa. Bangsa Melayu adalah paling ramai iaitu sebanyak 30 orang (42.9%) daripada 70 orang responden yang mengikuti Modul Asas Bahasa Arab. Kemudian diikuti oleh bangsa Cina sebanyak 22 orang (31.4%), Bugis lima orang (7.1%), Bajau dua orang (2.9%), Iban dua orang (2.9%), Kadazan dua orang (2.9%), Manakala Dususun, Bajau Ubian, Sino Kadazan, Melanau, Sungai, India dan Brunei masing-masing seorang responden (1.4%).

5.1.5 Agama

Jadual 5.4:
Bilangan Pelajar Berdasarkan Agama

Agama	Bilangan	Peratusan
Islam	43	61.4%
Buddha	14	20.0%
Kristian	10	14.3%
Hindu	1	1.4%
Tiada Agama	2	2.9%

Jumlah	70	100.0%
---------------	-----------	---------------

Responden yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri dari pelbagai penganut agama. Jadual 5.4 di atas menjelaskan tentang bilangan responden berdasarkan agama. Responden yang beragama Islam adalah responden yang paling ramai iaitu sebanyak 43 orang (61.4%). Kemudian diikuti Buddha sebanyak 14 orang (20.0%), Kristian 10 orang (14.3%) dan Hindu seorang (1.4%). Manakala Tiada Agama sebanyak dua orang (2.9%). Kajian ini juga menjelaskan jumlah keseluruhan pelajar bukan Islam yang terlibat adalah sebanyak 27 orang.

5.1.6 Sekolah

**Jadual 5.5:
Bilangan Pelajar Berdasarkan Sekolah**

Sekolah/Fakulti	Bilangan	Peratusan
SST	15	21.4%
SSS	15	21.4%
SKTM	15	21.4%
SPU	10	14.3%
SPTA	5	7.1%
SPE	3	4.3%
SSMP	3	4.3%
SPPS	2	2.9%
SPL	2	2.9%
Jumlah	70	100.0%

Jadual 5.5 di atas menyatakan tentang bilangan pelajar berdasarkan sekolah. Responden yang paling ramai adalah terdiri dari pelajar-pelajar Sekolah Sains dan Teknologi (SST), Sekolah Sains Sosial (SSS) dan Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat (SKTM) iaitu masing-masing sebanyak 15 orang responden (21.4%). Ia diikuti Sekolah Perubatan (SPU) sebanyak 10 orang (14.3%), Sekolah Perhutanan Tropika Antarabangsa (SPTA) lima orang (7.1%), Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE) tiga orang (4.3%), Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan (SSMP) tiga orang (4.3%). Manakala Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS) dan Sekolah Pertanian Lestari (SPL) masing-masing dua orang responden (2.9%).

5.1.7 Bidang/Aliran

**Jadual 5.6:
Bilangan Pelajar Berdasarkan Bidang/Aliran**

Bidang/Aliran	Bilangan	Peratusan
Hubungan Antarabangsa	14	20.0%
Doktor Perubatan	10	14.3%
Sains	5	7.1%
Kejuruteraan Awam	4	5.7%
Sastera	3	4.3%
Kejuruteraan Komputer	3	4.3%
Teknologi Makanan dan Bioproses	3	4.3%
Akuakultur	2	2.9%
Bio Pemuliharaan	2	2.9%
Bioteknologi	2	2.9%
Geologi	2	2.9%
Kejuruteraan Kimia	2	2.9%
Kimia Industri	2	2.9%
Matematik dan Komputer Grafik	2	2.9%

Agroforest	1	1.4%
Ekonomi	1	1.4%
Ekonomi Kewangan	1	1.4%
Elektrik	1	1.4%
Fizik dengan Elektronik	1	1.4%
Hortikultur dan Landskap	1	1.4%
Kejuruteraan	1	1.4%
Kejuruteraan Perisian	1	1.4%
Kewangan dan Perbankan	1	1.4%
Matematik Ekonomi	1	1.4%
Mekanikal	1	1.4%
Pengeluaran Ternakan	1	1.4%
Pengurusan Perhutanan	1	1.4%
Sains Komputer	1	1.4%
Jumlah	70	100.0%

Jadual 5.6 di atas menunjukkan bilangan pelajar berdasarkan bidang atau aliran. Terdapat sebanyak 14 orang responden (20.0%) mengikuti aliran hubungan antarabangsa, 10 orang responden (14.3%) dari aliran doktor perubatan, lima orang responden (7.1%) dari aliran sains, empat orang responden (5.7%) dari aliran kejuruteraan awam, masing-masing tiga orang responden (4/3%) dari aliran sastera, kejuruteraan komputer dan teknologi makanan dan bioproses. Terdapat dua orang responden (2.9%) masing-masing dari aliran akuakultur, bio pemuliharaan, bioteknologi, geologi, kejuruteraan kimia, kimia industri, matematik dan komputer grafik. Manakala terdapat seorang responden (1.4%) masing-masing dari aliran agroforest, ekonomi, ekonomi kewangan, elektrik, fizik dengan elektronik, hortikultur dan landskap, kejuruteraan, kejuruteraan perisian, kewangan dan perbankan, matematik ekonomi, mekanikal, pengeluaran ternakan,

pengurusan perhutanan dan sains komputer.

5.1.8 Tahun Pengajian


Jadual 5.7:
Bilangan Pelajar Berdasarkan Tahun Pengajian

Tahun Pengajian	Bilangan	Peratusan
Tahun 1	70	100.0%
Jumlah	70	100.0%

Berdasarkan Jadual 5.7, semua responden iaitu 70 orang (100.0%) belajar dalam tahun satu pengajian.

5.1.9 Latar Belakang Pembelajaran Bahasa Arab

Rajah 5.2:
Latar Belakang Bahasa Arab



Rajah 5.2 di atas menerangkan tentang latar belakang pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar yang terlibat mempelajari modul ini. Hasil kajian mendapati sebanyak 35.7% atau 25 orang responden pernah mempelajari bahasa Arab sebelum memasuki UMS. Manakala 64.3% atau 45 orang responden tidak pernah mempelajari

bahasa Arab sebelum memasuki UMS.

5.1.10 Peringkat Pembelajaran Bahasa Arab


Jadual 5.8:
Peringkat Pembelajaran Bahasa Arab

Bil.	Item	Bilangan	Peratusan
1.	Sekolah Rendah	25	35.7.0%

Jadual 5.8 di atas menunjukkan sebanyak 25 orang responden (35.7%) yang pernah belajar bahasa Arab sebelum memasuki UMS, hanya belajar di peringkat sekolah rendah sahaja.

5.1.11 Minat Mempelajari Bahasa Arab

Rajah 5.3:
Minat Mempelajari Bahasa Arab



Graf 5.3 menunjukkan minat pelajar mempelajari bahasa Arab. Daripada 70 orang responden yang terlibat dalam kajian ini, sebanyak 85.7% atau 60 orang responden menyatakan berminat mempelajari bahasa Arab, manakala pelajar-pelajar yang tidak berminat mempelajari bahasa Arab sebanyak 14.3% atau 10 orang.

5.1.12 Sebab-Sebab Tidak Berminat Mempelajari Bahasa Arab

Jadual 5.9:
Sebab-Sebab Tidak Berminat Mempelajari Bahasa Arab

Bil.	Item	Bilangan	Peratusan
1.	Tidak ada asas langsung bahasa Arab.	10	14.3%
2.	Bahasa Arab adalah bahasa yang susah dipelajari	0	0%
3.	Modul atau buku yang digunakan sukar untuk diikuti.	0	0%
4.	Teknik pengajaran pensyarah kurang menarik.	0	0%

Jadual 5.9 di atas menjelaskan tentang sebab-sebab tidak berminat mempelajari bahasa Arab. Hasil kajian mendapati sebanyak 10 orang responden (14.3%) yang menyatakan tidak berminat mempelajari bahasa Arab adalah disebabkan mereka tidak mempunyai asas langsung dalam bahasa Arab. Adapun baki 60 orang responden (85.7%) telah menyatakan mereka berminat mempelajari bahasa Arab seperti mana yang telah dijelaskan dalam Rajah 5.3 sebelum ini.

5.1.13 Tujuan Mempelajari Bahasa Arab Di UMS

**Jadual 5.10:
Tujuan Mempelajari Bahasa Arab**

Bil.	Item	Bilangan	Peratusan
1.	Untuk mempelbagaikan pengetahuan bahasa.	19	27.1%
2.	Untuk meningkatkan kemahiran bahasa Arab.	17	24.2%
3.	Terpaksa mempelajari bahasa Arab kerana tidak ada pilihan lain.	14	20.0%
4.	Untuk bertutur dan berkomunikasi dalam bahasa Arab.	13	18.5%

Berdasarkan Jadual 5.10 di atas, sebanyak 19 orang responden (27.1%) menyatakan tujuan mempelajari bahasa Arab adalah untuk mempelbagaikan pengetahuan

bahasa, 17 orang responden (24.2%) menyatakan untuk meningkatkan kemahiran bahasa Arab, 14 orang responden (20.0%) menyatakan terpaksa mempelajari bahasa Arab kerana tidak ada pilihan lain. Manakala 13 orang responden (18.5%) menyatakan untuk bertutur dan berkomunikasi dalam bahasa Arab. Di samping itu, terdapat tujuh orang responden (10.0%) telah memberi maklum balas tentang tujuan mempelajari bahasa Arab selain daripada yang telah disenaraikan oleh pengkaji di atas, antaranya ialah untuk menembusi pasaran Timur Tengah (2.9%), untuk memahami kandungan al-Quran (2.9%), untuk merebut peluang pekerjaan (1.4%), galakan keluarga (1.4%) dan ikut kawan (1.4%).

5.1.14 Tahap Penguasaan bahasa Arab Setelah Mengikuti Modul Asas Bahasa Arab

Jadual 5.11:
Tahap Penguasaan bahasa Arab

Bil.	Item	Bilangan	Peratusan
1.	Amat baik	3	4.3%
2.	Baik	24	34.3%
3.	Sederhana	33	47.1%
4.	Lemah	10	14.3%
Jumlah		70	100.0%

Jadual 5.11 di atas menunjukkan tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar setelah mengikuti Modul Asas Bahasa Arab Untuk Pelajar-Pelajar UMS.

Daripada 70 responden yang terlibat dalam kajian ini, sebanyak tiga orang responden (4.3%) menyatakan penguasaan bahasa Arab mereka sangat baik, 24 orang responden (34.3%) menyatakan baik dan 33 orang responden (47.1%) menyatakan sederhana.

Manakala 10 orang responden (14.3%) menyatakan lemah.

5.1.15 Keberkesanan Modul


**Jadual 5.12:
Keberkesanan Modul**

Bil.	Item	Bilangan	Peratusan
1.	Sangat berkesan	10	14.3%
2.	Berkesan	57	81.4%
3.	Kurang berkesan	3	4.3%
4.	Tidak berkesan	-	0%
Jumlah		70	100%

Jadual 5.12 menerangkan tentang keberkesanan modul dalam membantu pelajar mempelajari bahasa Arab dengan mudah. Daripada 70 orang responden yang terlibat, sebanyak 10 orang responden (14.3%) menyatakan modul yang dipelajari sangat berkesan dan 57 orang responden (81.4%) menyatakan berkesan. Hanya tiga orang responden (4.3%) sahaja menyatakan kurang berkesan. Hasil kajian ini juga mendapati tidak ada seorangpun responden menyatakan modul pengkaji tidak berkesan.

5.1.16 Kesesuaian Kandungan Modul Dengan Keperluan Pelajar


**Rajah 5.4:
Kesesuaian Modul**



Carta pai di atas menyatakan tentang kesesuaian kandungan modul dengan keperluan pelajar mempelajari bahasa Arab di UMS. Daripada 70 orang responden yang terlibat dalam kajian ini, sebanyak 98.6% responden atau 69 orang bersetuju dengan kesesuaian kandungan modul dengan keperluan pelajar. Manakala 1.4% atau seorang sahaja responden tidak bersetuju dengan kandungan modul.

5.1.17 Kesesuaian Kandungan Modul dengan Tempoh Pengajian


Rajah 5.5:
Kesesuaian Kandungan Modul dengan Tempoh Pengajian



Rajah 5.5 di atas menunjukkan tentang kesesuaian kandungan modul dengan tempoh masa pengajian di UMS iaitu 14 minggu dalam satu semester. Daripada 70 orang responden yang terlibat dalam kajian ini, sebanyak 81.4% responden atau 57 orang bersetuju dengan kesesuaian kandungan modul dengan jangka masa pengajian di UMS iaitu 14 minggu. Manakala 18.6%% responden atau 13 orang tidak bersetuju dengan jumlah kandungan modul dalam jangka masa pengajian di UMS.

5.1.18 Kesesuaian Jam Pembelajaran

**Rajah 5.6:
Jam Pembelajaran**



Rajah 5.6 di atas menunjukkan kesesuaian masa mempelajari bahasa Arab tiga jam seminggu. Daripada 70 orang responden yang terlibat dalam kajian ini, sebanyak 68.6% atau 48 orang responden menyatakan bersetuju dengan masa yang diperuntukkan selama tiga jam seminggu untuk mempelajari bahasa Arab. Manakala 31.4% atau 22 orang responden menyatakan masa tiga jam seminggu tidak mencukupi untuk mempelajari bahasa Arab.

5.1.19 Pendapat Pelajar Terhadap Modul

**Jadual 5.13:
Pendapat Pelajar Terhadap Modul**

Bil.	Item	Bilangan	Peratusan
1.	Sangat mudah	1	1.4%
2.	Mudah	25	35.7%
3.	Sedarhana mudah	44	62.9%
4.	Susah	-	0%
Jumlah		70	100%

Jadual 5.13 di atas menunjukkan pendapat pelajar tentang Modul Asas Bahasa Arab Untuk Pelajar-Pelajar UMS. Hasil kajian mendapati sebanyak seorang responden

(1.4%) berpendapat modul pengkaji sangat mudah dan 25 orang responden (35.7%) berpendapat modul pengkaji mudah. Manakala 44 responden (62.9%) menyatakan sederhana mudah. Tidak ada seorangpun responden menyatakan modul pengkaji susah.

5.1.20 Penyediaan Terjemahan Bahasa Melayu


**Jadual 5.14:
Penyediaan Terjemahan Bahasa Melayu**

Bil.	Item	Ya	Tidak
1.	Adakah penyediaan terjemahan bahasa Melayu dalam modul tersebut dapat membantu anda memahami bahasa Arab dengan mudah?	70 (100%)	0 (0%)

Berdasarkan jadual 5.14, sebanyak 70 orang responden yang terlibat dengan kajian ini, kesemua mereka (100.0%) bersetuju dengan penyediaan terjemahan bahasa Melayu dalam modul tersebut dapat membantu mereka memahami bahasa Arab dengan mudah.

5.1.21 Penggunaan Transliterasi

**Rajah 5.7:
Penggunaan Transliterasi**



Carta pai di atas menunjukkan pandangan pelajar terhadap penggunaan transliterasi dalam modul pengkaji yang bertujuan untuk membantu pelajar membaca dan mempelajari bahasa Arab dengan mudah. Hasil kajian mendapati sebanyak 98.6% atau 69 orang responden bersetuju dengan penggunaan transliterasi dalam modul pengkaji untuk membantu pelajar membaca dan mempelajari bahasa Arab dengan mudah. Manakala 1.4% atau seorang responden tidak bersetuju dengan penggunaan transliterasi dalam modul pengkaji.

5.1.22 Tajuk Kosa Kata

**Jadual 5.15:
Tajuk Kosa Kata**

Bil.	Item	Bilangan	Peratusan
1.	Mudah dipelajari	5	7.1%
2.	Sederhana mudah dipelajari	56	80.0%
3.	Susah dipelajari	9	12.9%
4.	Sangat susah dipelajari	-	0%

Jumlah	70	100%
---------------	-----------	-------------

Jadual 5.15 di atas menunjukkan tentang pendapat pelajar terhadap tajuk kosa kata yang dipelajari. Hasil kajian mendapati sebanyak lima orang responden (7.1%) berpendapat tajuk kosa kata yang dipelajari adalah mudah dan 56 orang responden (80.0%) mengatakan sederhana mudah dipelajari. Manakala sembilan orang responden (12.9%) mengatakan susah dipelajari. Tidak ada seorang pun responden mengatakan sangat susah dipelajari.

5.1.23 Sintaksis

**Jadual 5.16:
Sintaksis**


Bil.	Item	Bilangan	Peratusan
1.	Mudah diikuti	16	22.9%
2.	Sederhana	47	67.1%
3.	Sukar diikuti	7	10.0%
4.	Langsung tidak dapat diikuti	-	0%
Jumlah		70	100%

Jadual 5.16 menjelaskan tentang pandangan pelajar terhadap sintaksis yang terdapat dalam modul secara keseluruhan. Daripada 70 orang responden yang terlibat dalam kajian ini, sebanyak 16 orang responden (22.9%) menyatakan sintaksis yang dipelajari dalam modul adalah mudah dan 47 orang responden (67.1%) menyatakan sederhana. Manakala tujuh orang responden (10.0%) menyatakan susah. Tidak ada

seorangpun responden menyatakan sintaksis yang dipelajari dalam modul pengkaji langsung tidak dapat diikuti.

5.1.24 Kandungan Modul Membantu Pelajar Bertutur dan Berkomunikasi dalam Bahasa Arab

Rajah 5.8:
Kandungan Modul Membantu Pelajar Bertutur dan Berkomunikasi



Pengkaji ingin mendapatkan pandangan pelajar terhadap kandungan modul pengkaji adakah ia dapat membantu pelajar bertutur dan berkomunikasi dalam bahasa Arab. Rajah 5.8 di atas menunjukkan sebanyak 88.6% atau 62 orang responden menyatakan modul pengkaji dapat membantu pelajar bertutur dan berkomunikasi dalam bahasa Arab. Manakala 11.4% atau lapan orang responden menyatakan sebaliknya.

5.1.25 Latihan-Latihan

Jadual 5.17:
Latihan-Latihan

Bil.	Item	Bilangan	Peratusan
1.	Sangat mudah	2	2.9%
2.	Mudah	24	34.3%
3.	Sederhana	43	61.4%

4.	Susah	1	1.4%
Jumlah		70	100%

Jadual 5.17 di atas menunjukkan tentang latihan-latihan yang terdapat dalam kandungan modul. Sebanyak dua orang responden (2.9%) menyatakan latihan-latihan dalam modul pengkaji sangat mudah, 24 orang responden (34.3%) menyatakan mudah dan 43 orang responden (61.4%) menyatakan sederhana. Manakala hanya seorang responden (1.4%) menyatakan latihan-latihan yang terdapat dalam modul pengkaji adalah susah.

5.1.26 Penyediaan Kamus

**Jadual 5.18:
Penyediaan Kamus**

Bil.	Item	Bilangan	Peratusan
1.	Sangat setuju	43	61.4%
2.	Setuju	27	38.6%
3.	Tidak setuju	-	0%
Jumlah		70	100%

Jadual 5.18 di atas menunjukkan tentang penyediaan kamus di akhir modul untuk dijadikan rujukan bagi setiap perkataan yang tidak difahami. Daripada 70 orang responden yang terlibat dalam kajian ini, sebanyak 43 orang responden (61.4%) menyatakan sangat bersetuju dan 27 orang responden (38.6%) bersetuju dengan penyediaan kamus di akhir modul untuk dijadikan rujukan. Tidak ada seorangpun responden yang tidak bersetuju dengan kenyataan di atas.

5.1.27 Tahap Penguasaan Kemahiran Bahasa Arab Setelah Mengikuti Modul

**Jadual 5.19:
Tahap Penguasaan Pelajar Terhadap Bahasa Arab**

Bil.	Item	1	2	3	4	5
1.	Tahap penguasaan anda terhadap kemahiran mendengar bahasa Arab.	9 (12.9%)	19 (27.1%)	32 (45.7%)	8 (11.4%)	2 (2.9%)
2.	Tahap penguasaan anda terhadap kemahiran bertutur dalam bahasa Arab.	7 (10.0%)	27 (38.6%)	31 (44.3%)	5 (7.1%)	- (0%)
3.	Tahap penguasaan anda terhadap kemahiran membaca bahasa Arab.	2 (2.9%)	5 (7.1%)	35 (50.0%)	24 (34.3%)	4 (5.7%)
4.	Tahap penguasaan anda terhadap kemahiran menulis bahasa Arab.	2 (2.9%)	8 (11.4%)	29 (41.4%)	28 (40.0%)	3 (4.3%)
5.	Tahap penguasaan anda dalam perbendaharaan kata Arab.	9 (12.9%)	26 (37.1%)	31 (44.3)	4 (5.7%)	- (0%)
6.	Tahap penguasaan anda terhadap sintaksis/nahu Arab.	10 (14.3%)	26 (37.1%)	27 (38.6%)	7 (10.0%)	- (0%)

Singkatan:

- 1 : Sangat lemah**
- 2 : Lemah**
- 3 : Sederhana**
- 4 : Baik**
- 5 : Sangat baik**

Jadual 5.19 menjelaskan tentang tahap penguasaan pelajar dalam kemahiran bahasa Arab secara keseluruhannya setelah mengikuti modul pengkaji. Terdapat enam item berkaitan penguasaan kemahiran bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Pengkaji akan menganalisis satu persatu setiap item di atas. Item pertama iaitu tahap penguasaan pelajar terhadap kemahiran mendengar bahasa Arab. Hasil analisis mendapati sebanyak sembilan orang responden (12.9%) menyatakan sangat lemah dan 19 orang responden

(27.1%) menyatakan lemah. Manakala 32 orang responden (45.7) menyatakan sederhana, lapan orang responden (11.4%) menyatakan baik dan dua orang responden (2.9%) menyatakan sangat baik.

Bagi item kedua iaitu tahap penguasaan pelajar terhadap kemahiran bertutur dalam bahasa Arab. Hasil analisis mendapati sebanyak tujuh orang responden (10.0%) menyatakan sangat lemah dan 27 orang responden (38.6%) menyatakan lemah. Manakala 31 orang responden (44.3%) menyatakan sederhana dan lima orang responden (7.1%) menyatakan baik.

Item ketiga pula iaitu tahap penguasaan pelajar dalam kemahiran membaca bahasa Arab. Hasil analisis mendapati dua orang responden (2.9%) menyatakan sangat lemah dan lima orang responden (7.1%) menyatakan lemah. Manakala 35 orang responden (50.0%) menyatakan sederhana, 24 orang responden (34.3%) menyatakan baik dan 4 orang responden (5.7%) menyatakan sangat baik.

Item keempat pula berkaitan tahap penguasaan pelajar terhadap kemahiran menulis bahasa Arab. Analisis mendapati sebanyak dua orang responden (2.9%) menyatakan sangat lemah dan lapan orang responden (11.4%) menyatakan lemah. Manakala 29 orang responden (41.4%) menyatakan sederhana, 28 orang responden (40.0%) menyatakan baik dan tiga orang responden (4.3%) menyatakan sangat baik.


Berkaitan dengan item kelima iaitu tahap penguasaan pelajar dalam perbendaharaan kata Arab. Hasil analisis mendapati sebanyak sembilan orang responden (12.9%) menyatakan sangat lemah dan 26 orang responden (37.1%) menyatakan lemah.

Manakala 31 orang responden (44.3%) menyatakan sederhana dan empat orang responden (5.7%) menyatakan baik.

Manakala item yang terakhir iaitu tahap penguasaan pelajar terhadap sintaksis atau nahu Arab. Hasil kajian mendapati sebanyak 10 orang responden (14.3%) menyatakan sangat lemah dan 26 orang responden (37.1%) menyatakan lemah. Manakala 27 orang responden (38.6%) menyatakan sederhana dan tujuh orang responden (10.0%) menyatakan baik.

5.1.28 Keperapan Pensyarah Membimbing Pelajar


Rajah 5.9: Keperapan Pensyarah Membimbing Pelajar



Rajah 5.9 menyatakan perihal kekerapan pensyarah membimbing pelajar supaya dapat mengikuti pembelajaran bahasa Arab dengan mudah dan berkesan. Hasil analisis mendapati sebanyak 94.3% atau 66 orang responden mengatakan pensyarah selalu membimbing pelajar. Manakala 5.7% atau empat orang responden mengatakan pensyarah sekali-sekala membimbing pelajar.

5.1.29 Keberkesanan Kaedah Komunikasi


Rajah 5.10: Keberkesanan Kaedah Komunikasi



Pengkaji ingin mendapatkan pandangan pelajar terhadap penggunaan kaedah komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dapat membantu pelajar bertutur dan berkomunikasi dalam bahasa Arab. Rajah 5.10 menunjukkan sebanyak 92.9% atau 65 orang responden menyatakan kaedah komunikasi yang digunakan oleh pensyarah dalam pengajaran dan pembelajaran dapat membantu pelajar bertutur dan berkomunikasi dalam bahasa Arab. Manakala hanya 7.1% atau lima orang responden sahaja menyatakan sebaliknya iaitu kaedah komunikasi tidak membantu pelajar bertutur dan berkomunikasi dalam bahasa Arab.

5.1.30 Kesan Modul Terhadap Penguasaan Pelajar Dalam Bahasa Arab


**Rajah 5.11:
Kesan Modul Terhadap Penguasaan Pelajar**



Rajah 5.11 di atas menjelaskan tentang keberkesanan modul terhadap penguasaan pelajar dalam bahasa Arab. Hasil kajian mendapati sebanyak 97.1% atau 68 orang responden menyatakan modul pengkaji dapat memberikan kesan terhadap penguasaan pelajar dalam bahasa Arab. Hanya 2.9% atau dua orang responden sahaja menyatakan modul pengkaji tidak dapat memberikan kesan terhadap penguasaan pelajar dalam bahasa Arab.

5.1.31 Minat Terus Mempelajari Bahasa Arab

**Rajah 5.12:
Minat Terus Mempelajari Bahasa Arab**



Rajah 5.12 di atas menerangkan tentang minat pelajar terus mempelajari bahasa Arab. Hasil analisis mendapati sebanyak 92.9% atau 65 orang responden menyatakan berminat terus mempelajari bahasa Arab. Manakala hanya 7.1% atau lima orang sahaja tidak berminat untuk terus mempelajari bahasa Arab.

5.1.32 Kelemahan Modul

**Jadual 5.20:
Kelemahan Modul**

Bil.	Item	Bilangan	Peratusan
1.	Kandungan modul terlalu banyak	9	12.9%
2.	Sintaksis sukar dipelajari	6	8.6%
3.	Latihan-latihan sukar difahami	5	7.1%
4.	Persembahan kurang menarik	1	1.4%

Jadual 5.20 menjelaskan tentang kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam modul. Hasil analisis mendapati sebanyak sembilan orang responden (12.9%) menyatakan kandungan modul terlalu banyak, enam orang responden (8.6%) menyatakan sintaksis sukar dipelajari, lima orang responden (7.1%) menyatakan latihan-latihan yang terdapat dalam modul sukar difahami dan seorang responden (1.4%) menyatakan persembahan kurang menarik. Di samping itu terdapat tiga orang responden (4.3%) telah memberi maklum balas tentang kelemahan modul selain daripada yang telah disenaraikan oleh pengkaji di atas, antaranya ialah kurang ilustrasi untuk mengingat kosa kata (1.4%), perlu diperbanyakkan contoh dan terjemahan (1.4%) dan kurang keterangan yang mencukupi (1.4%). Hasil kajian ini juga mendapati sebanyak 46 orang responden (65.7%) tidak menyatakan sebarang kelemahan terhadap modul pengkaji.

5.1.33 Kelebihan Modul

**Jadual 5.21:
Kelebihan Modul**


Bil.	Item	Bilangan	Peratusan
-------------	-------------	-----------------	------------------

1.	Mengandung empat asas kemahiran utama iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis.	54	77.1%
2.	Dapat membantu saya mempelajari asas bahasa Arab dengan mudah dan berkesan.	45	64.3%
3.	Dapat membantu saya bertutur dan berkomunikasi dalam bahasa Arab.	18	25.7%
4.	Dapat membantu saya menguasai sintaksis Arab.	15	21.4%

Jadual 5.21 menjelaskan tentang kelebihan-kelebihan yang terdapat dalam modul. Hasil kajian mendapati sebanyak 54 orang responden (77.1%) menyatakan modul pengkaji mengandungi empat asas kemahiran utama iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Sebanyak 45 orang responden (64.3%) menyatakan modul pengkaji dapat membantu pelajar bertutur dan berkomunikasi dalam bahasa Arab. Sebanyak 15 orang responden (21.4%) menyatakan modul pengkaji dapat membantu pelajar menguasai sintaksis Arab. Peratusan yang menjawab bagi satu-satu item diukur berdasarkan respon setiap item tersebut, dan bukannya berdasarkan keseluruhan lima item yang terkandung dalam jadual di atas (Jadual 5.21).

5.1.34 Keberkesanan dan Keupayaan Modul

**Rajah 5.13:
Keberkesanan dan Keupayaan Modul**



Soalan terakhir yang dikemukakan kepada pelajar merupakan soalan yang amat penting untuk menilai secara keseluruhan terhadap keberkesanan dan keupayaan modul yang disediakan untuk pelajar-pelajar UMS dalam pengajaran dan pembelajaran. Rajah 5.13 di atas menjelaskan sebanyak 95.7% atau 67 orang responden menyatakan modul pengkaji memberikan kesan dan berupaya dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di UMS. Manakala hanya 4.3% atau tiga orang sahaja responden menyatakan modul pengkaji kurang berkesan.

5.2 RUMUSAN DARI SOAL SELIDIK C

Setelah selesainya menganalisis data yang diperolehi dengan sempurna, maka

pengkaji ingin membuat rumusan terhadap beberapa perkara penting yang terhasil daripada kajian terhadap “MABAUPUMS”. Antara rumusan tersebut ialah:

1. Modul ini sesuai dan boleh dipelajari oleh pelajar-pelajar UMS yang terdiri dari pelbagai bidang, etnik dan agama. Ia dapat dibuktikan dengan sokongan pelajar-pelajar UMS yang mengikuti modul ini yang mana mereka terdiri dari pelbagai bidang jurusan, etnik dan agama.
2. Modul ini juga sesuai dengan pelajar-pelajar yang tidak mempunyai asas dalam bahasa Arab. Walaupun ada sedikit dalam kalangan mereka mempunyai asas di sekolah rendah, namun pengkaji berpendapat bahawa asas yang ada pada mereka masih dianggap amat kurang dan mereka telah lama meninggalkan bahasa Arab.
3. Modul ini juga sesuai digunakan oleh pelajar-pelajar bukan Islam. Berdasarkan kajian yang dijalankan sebelum ini, daripada 27 orang pelajar bukan Islam yang terlibat, semua mereka (100.0%) bersetuju menyatakan modul pengkaji sesuai untuk mereka.
4. Modul yang dipelajari seharusnya bersesuaian dan menepati keperluan pelajar mengikut peringkat dan tahap mereka. Berdasarkan hasil kajian yang dijalankan, dapat membuktikan di mana hampir keseluruhan pelajar mengakui kandungan modul yang disediakan oleh pengkaji menepati kehendak mereka dalam mempelajari bahasa Arab.
5. Tempoh masa tiga jam seminggu yang diperuntukkan oleh universiti masih

boleh dikaji semula. Walaupun ramai pelajar bersetuju dengan masa yang diperuntukkan, namun masih banyak lagi pelajar iaitu 31.4% yang tidak bersetuju. Jumlah ini dikira besar dan harus diambil perhatian. Pengkaji berpendapat masa tiga jam seminggu terlalu singkat dan pelajar-pelajar tidak dapat memberikan tumpuan sepenuhnya. Sebaliknya pengkaji juga berpendapat masa empat jam seminggu adalah sesuai untuk mempelajari bahasa Arab secara elektif kerana pelajar mempunyai masa yang cukup untuk berbincang dan mempelajari bahasa Arab dengan lebih berkesan. Di samping itu, masa empat jam seminggu adalah masa yang ditetapkan oleh pihak UMS sebelum ini, sebelum ia ditukar kepada tiga jam seminggu bermula pada semester 1 sesi 2008/2009.

6. Majoriti pelajar bersetuju dengan kaedah komunikasi yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab menerusi modul yang disediakan oleh pengkaji. Ini menunjukkan kaedah komunikasi dapat membantu meningkatkan penguasaan pelajar dalam kemahiran bahasa Arab.
7. Penyediaan terjemahan bahasa Melayu dalam modul pengkaji ini dapat menarik minat pelajar-pelajar mempelajari bahasa Arab. Ini menunjukkan keseluruhan pelajar bersetuju dengan terjemahan bahasa Melayu yang disediakan dalam modul pengkaji, kerana ia dapat membantu pelajar-pelajar mempelajari bahasa Arab dengan mudah dan berkesan.
8. Penggunaan transliterasi dalam modul pengkaji dapat membantu pelajar membaca, menulis dan mempelajari bahasa Arab dengan mudah. Ini

menunjukkan majoriti besar pelajar bersetuju dengan penggunaan transliterasi dalam modul pengkaji. ‘Abd al-‘Azīz Barham (1982:51) menyatakan: “adalah diharuskan menggunakan huruf latin untuk membantu dalam penulisan khususnya pada peringkat awal, kemudian secara beransur-ansur penggunaan huruf Arab akan menguasai pembelajaran selepas pelajar mahir dalam penulisan Arab”.

9. Terdapat beberapa kelemahan sampingan yang terdapat dalam modul ini yang dinyatakan oleh beberapa orang pelajar berkaitan dengan kandungan modul terlalu banyak, sintaksis sukar dipelajari, latihan-latihan sukar difahami dan persembahan kurang menarik. Namun ia tidak menjejaskan keseluruhan kandungan modul ini. Pengkaji akan cuba memperbaiki setiap kelemahan yang ada dengan sebaik mungkin insya Allah.
10. Secara keseluruhannya maklumbalas yang diberikan oleh pelajar-pelajar amat memberangsangkan kerana majoriti besar pelajar memberikan jawapan positif. Ini menunjukkan modul ini dapat memberikan kesan terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab serta dapat memberikan kesan terhadap penguasaan dan minat pelajar dalam bahasa Arab.

5.3 PENUTUP

Hasil kajian yang dijalankan secara keseluruhannya dapatlah disimpulkan bahawa pelajar-pelajar yang telah mengikuti dan mempelajari bahasa Arab melalui “MABAUPUMS” telah memperolehi manfaat dan faedah daripadanya. Mereka telah

memberikan sokongan terhadap penyediaan modul asas bahasa Arab khusus untuk mereka. Mereka juga menyatakan bahawa modul yang disediakan oleh pengkaji dapat memberikan kesan dalam pembelajaran bahasa Arab di samping isi kandungannya bersesuaian dengan keperluan mereka serta dapat menarik minat mereka untuk terus mempelajari bahasa Arab. Walaupun terdapat beberapa orang dalam kalangan mereka yang menyatakan sebaliknya, namun ia hanya bilangan yang kecil sahaja dan tidak menjejaskan keberkesanan dan keupayaan modul. Melalui maklumbalas yang telah diberikan oleh pelajar terhadap modul pengkaji ini menerusi soal selidik kedua, pengkaji menganggap ia sudah memadai untuk mendapatkan gambaran awal tentang keberkesanan dan keupayaan modul yang disediakan oleh pengkaji.